


B/H 18/10/12 MAS 6.



Muskat yang dipamerkan di Pameran Raja Kita.




Watikah pelantikan **Tuanku Abdul Halim** sebagai **Yang di-Pertuan Agong ke-14** di Pameran Raja Kita.

**INFO**

**ISTANA NEGARA LAMA**

- **Asalnya** banglo dibina pada 1928.
- **Ia adalah** kediaman jutawan dari China, Chan Wing.
- **Pada zaman** pemerintahan Jepun dari 1942 hingga 1945, ia digunakan sebagai Mes Pegawai Tentera Jepun.
- **Selepas Jepun kalah**, bangunan itu kemudian dibeli kerajaan Selangor yang kemudiannya menjadi Istana Sultan Selangor sebelum dijadikan Istana Negara pada 1957.
- **Mempunyai 20 bilik**, dapur bagi 100 orang, balai beradap, empat bilik tetamu, dua balai kemasukan dan satu dewan santapan.



Bekas Yang di-Pertuan Agong, Almarhum **Tuanku Abdul Rahman** (tiga dari kanan) ketika melawat kerja pengubahsuaian Istana Negara pada 6 Ogos 1957.



● **RM5** ATAU **RM10** untuk video (bergantung kepada jenis).

# Pameran Raja Kita sejarah Seri Paduka

» Peluang rakyat kenali latar belakang Tuanku Abdul Halim, Tuanku Haminah

Oleh Norakmah Mat Youb  
norakmah@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Istana Negara lama di Jalan Istana di sini kini dibuka sebagai galeri awam bagi membolehkan rakyat dan pelancong asing menyaksikan lebih dekat sejarah Yang di-Pertuan Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun.

Pameran Raja Kita di istana itu dianjurkan sempena perta-

balan Tuanku Abdul Halim yang menempa sejarah pemerintahan beraja di Malaysia apabila dua kali ditabalkan ke jawatan itu.

Pameran di istana yang pada asalnya sebuah banglo yang dibina pada 1928 itu menampilkan pelbagai koleksi baginda berdua bagi membolehkan rakyat dan pelancong asing mengenali lebih dekat sejarah dan peralatan kebesaran diraja, khususnya Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Haminah.

Istana Negara lama itu dibuka kepada awam sejak 16 April lalu sehingga 31 Disember ini setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang secara percuma.

Tuanku Abdul Halim ditabal Yang di-Pertuan Agong kelima pada 1970 ketika berusia 42 tahun dan kini, empat dekad kemudian, baginda ditabalkan sekali lagi sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada usia 84 tahun.

## Jelas peranan raja

Pameran itu dapat menjelaskan kepada rakyat mengenai peranan dan kedudukan Institusi Yang di-Pertuan Agong dan kon-

sep Raja Berperlembagaan dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

Melangkah masuk ke pekarangan Balairong Seri, warna kuning keemasan yang menjadi warna diraja menyambut kedatangan pengunjung.

Pameran Raja Kita di Balairong Seri dibahagikan kepada dua bahagian dengan pelbagai barangan pameran menarik yang pasti membuatkan pengunjung teruja.

Di bahagian pintu masuk, ada pelbagai barangan pameran antaranya Manuskrip Asal Hukum Kanun Melaka, Mohor Besar Raja-Raja, koleksi peribadi milik Seri Paduka Baginda berdua seperti kad pengenalan lama, jam tangan, kamera dan bekas watakah.

Manakala di bahagian kedua pula, pengunjung berpeluang melihat dan mengabadikan kenangan singgahsana yang menjadi lambang kebesaran takhta kerajaan sesebuah negara di mana Raja memerintah akan bersemayam dengan penuh berdaulat lagi mulia.

Singgahsana dibina dengan



Koleksi Kamera

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah adalah seorang tokoh yang mempunyai koleksi kamera yang pelbagai. Koleksi ini disimpan di Istana Negara.

Antara koleksi kamera Yang di-Pertuan Agong di Pameran Raja Kita.



Keris Panjang, antara koleksi yang dipamerkan di Pameran Raja Kita.



Pameran Raja Kita **berlangsung di Balaijong Seri**, Istana Negara lama. [FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

▶ **300,000** PELAWAT sehingga ini.

▶ **11.34** HEKTAR keluasan Istana Negara lama.



“Pameran itu secara tidak langsung menarik minat dan **memberi pengetahuan mengenai fungsi institusi beraja di negara ini**”

**Wan Rizul Anuar Roni,**  
Pengunjung



“Dulu, hanya dapat lihat istana di televisyen dan gambar **tetapi kini**



Antara **koleksi Kalung Di-Raja yang dipamerkan** pada Pameran Raja Kita, di Istana Negara Lama.

## Peluang rakyat kenali peranan, fungsi raja

**Kuala Lumpur:** Pameran Raja Kita yang diadakan di Istana Negara lama mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran sekitar 300,000 pengunjung sejak ia dibuka pada 16 April lalu.

Pengunjung berpendapat pameran berkenaan dapat memberi peluang mengenali keluarga diraja dengan lebih dekat selain mempamerkan pelbagai maklumat berkaitan sistem beraja di negara ini.

Pekerja bank, Mohd Hasrul Abd Latif, 26, berkata pameran itu penting terutama kepada golongan muda kerana ia mempamerkan maklumat mengenai peranan sistem beraja dalam pentadbiran negara.

penuh pengertian dan makna untuk memperlihatkan struktur yang mempunyai nilai kesenian Melayu tinggi mutunya, bersesuaian kegunaan rasmi Yang di-Pertuan Agong melaksanakan tugas negara.

### Alat kebesaran diraja

Di situ juga terdapat beberapa alat kebesaran diraja seperti Keris Panjang Alam, Cogan Alam, pakaian istiadat seperti Muskat, Tengkolok Diraja dan Keris Pending Diraja.

Jurucakap Jabatan Muzium Malaysia berkata, pameran itu bertujuan mengukuhkan semangat cintakan negara dan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada negara dan Yang di-Pertuan Agong.

“Pameran itu sepatutnya berakhir pada 15 Jun lalu, tetapi ia dilanjutkan sehingga hujung tahun ini untuk memberi peluang bagi orang ramai yang tidak berkesempatan sebelum ini,” katanya.


Beliau berkata, sehingga kini kira-kira 300,000 pelancong tempatan dan luar negara sudah mengunjungi pameran berkenaan.



Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan Istana Negara lama yang kini di jadikan muzium pada 10 Jun 1957.

gambar tetapi kini dapat melihat sendiri dan ia sangat mengagumkan”

Tan Yun Woon,  
Pengunjung



“  
Seronok dapat  
berkunjung ke sini.  
Saya harap dapat  
datang lagi bersama  
rakan-rakan lain”

Mohd Hariz Hazriq  
Hazreen,  
Pengunjung

“Ia juga dapat mengingatkan golongan muda atau sesiapa saja betapa pentingnya peranan raja dalam negara seperti Malaysia,” katanya.

Rakannya, Wan Rizul Anuar Roni, 29, pula menyifatkan pameran itu sebagai peluang keemasan kepadanya melihat dengan lebih dekat alat kebesaran diraja selain berpeluang memasuki istana yang sebelum ini dilihat dari luar.

### Kenali fungsi raja

“Pameran itu secara tidak langsung menarik minat dan memberi pengetahuan mengenai fungsi institusi beraja di negara ini.

“Selain itu, ia mengingatkan semua masyarakat betapa pentingnya peranan raja dalam negara seperti Malaysia,” katanya.

Murid Sekolah Kebangsaan Dusun Tua, Mohd Hariz Hazriq Hazreen, 7, yang teruja kerana dapat melihat sendiri koleksi diraja berkata, ia adalah antara pengalaman manisnya.

“Seronok dapat berkunjung ke sini. Saya harap dapat datang lagi bersama rakan-rakan lain,” katanya yang ditemani bapanya, Hazreen Mohd Sapri.

Pekerja swasta, Tan Yun Woon, 38, berkata, pameran itu bagus kerana sebagai rakyat biasa bukan mudah untuk memperoleh peluang melihat sendiri Istana Negara lama itu.

“Dulu, hanya dapat lihat istana di televisyen dan gambar tetapi kini dapat melihat sendiri dan ia sangat mengagumkan,” katanya.